

18/12/2003

Perpaduan Umno Kelantan makin mantap

Azman Mahmood

TIDAK keterlaluan jika dikatakan masih ramai pemerhati politik, malah pemimpin Umno Kelantan sendiri berasakan peluang Barisan Nasional (BN) merampas semula negeri itu daripada genggaman Pas pada pilihan raya umum akan datang, masih pada tahap 50-50.

Tetapi, bagi ahli dan pemimpin Umno yang sudah menjalankan gerak kerja parti di kawasan masing-masing, mereka mungkin percaya peluang sekarang sudah berpihak kepada BN kerana mendapat sokongan kuat daripada penyokongnya.

Ini berdasarkan sokongan yang sudah berubah dan sikap serta semangat rakyat yang mahukan perubahan politik kerana bosan dengan retorik Pas memperalatkan agama, tetapi pemimpinnya sendiri gagal menterjemahkannya dalam erti kata mengikut tuntutan Islam sebenarnya.

Kegagalan pemimpin Pas Kelantan itu dapat dilihat daripada peningkatan gejala sosial, penagihan dadah, maksiat dan kes jenayah yang dilaporkan di seluruh negeri itu.

Di sesetengah bahagian pula, ada pemimpin Umno benar-benar yakin mampu mencapai kemenangan apabila melihat rakyat kononnya jelas mahukan Umno dan BN kembali memegang tampuk pemerintahan negeri ini.

Tetapi, bagi yang baru mendekati politik, mereka perlu sedar satu perkara yang menjadikan percaturan politik di Kelantan unik, iaitu sukar meramalkan sikap rakyat Kelantan dan tidak mudah untuk dibuat andaian. Mereka boleh dilihat menyokong Umno dan BN, tetapi pada masa sama mempunyai matlamat lain.

Suasana seperti itu pernah dialami Umno dan BN Kelantan ketika pilihan raya umum 1999, apabila pada saat akhir dan menjelang hari mengundi, barulah pemimpin Umno sedar pengundi yang pada awalnya dilihat menunjukkan komitmen mengundi BN, akhirnya terpengaruh dengan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menolak BN.

Pada hari mengundi, Umno tersentak melihat di pusat mengundi, terutama saluran orang muda di pihak BN, begitu ramai keluar mengundi tetapi mereka sebenarnya menentang BN. Akhirnya, keputusan pilihan raya waktu itu tidak memihak kepada BN, sebaliknya Pas lebih selesa kerana mendapat sokongan dan bantuan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Untuk menghadapi pilihan raya umum kali ini, Umno Kelantan sekali lagi akan diuji dengan sikap pengundi yang sukar diramalkan terutama golongan berstatus 'atas pagar.' Pengundi atas pagar yang dianggarkan mewakili antara 25 hingga 30 peratus, sebenarnya menjadi penentu keputusan, di samping jika ada parti baru atau calon bebas yang boleh dianggap sebagai pemecah undi.

Hasrat untuk melihat Kelantan kembali kepada BN bukan saja menjadi matlamat ahli dan pemimpin Umno Kelantan, malah Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu, turut meletakkan harapan yang sama.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, sendiri menyifatkan pilihan raya umum kali ini sebagai penentu kepada nasib masa depan Umno Kelantan selepas tiga penggal gagal menewaskan Pas yang sebenarnya boleh dikatakan menang kerana bernasib baik.

Kecuali pada 1995, Pas ketika itu masih bergabung dengan Parti Melayu Semangat 46 mendapat tentangan sengit daripada Umno yang berjaya memecahkan monopoli apabila memenangi tujuh daripada 39 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua daripada 14 kerusi Parlimen.

Kerusi Parlimen yang dimenangi ketika itu ialah Peringat (sekarang Parlimen Ketereh) dan Jeli, manakala kerusi DUN ialah di Melor, Ketereh (kini DUN Kok Lanas), Pengkalan Kubur, Guchil, Kemahang, Pergau dan Kota

Lama.

Sejak Pas menguasai Kelantan pada 1990, pilihan raya 1995 adalah pencapaian terbaik Umno Kelantan kerana pada pilihan raya 1999, Umno hanya berjaya menguasai satu kerusi Parlimen iaitu Gua Musang dan dua kerusi DUN iaitu Galas dan Paloh (dalam Parlimen Gua Musang).

Pada pilihan raya umum 1990, Pas menang dibantu masalah perpecahan Umno, diikuti 1995 kerana bantuan Semangat 46 yang kemudian dibubarkan dan kembali menyertai Umno. Peluang terbaik untuk Umno merampas semula negeri itu pada pilihan raya umum 1999 berikutan pembubaran Semangat 46 dan menyertai Umno, tetapi sekali lagi kecewa apabila Pas mendapat bantuan Keadilan atas isu Anwar.

Dalam tiga pilihan raya itu Pas sememangnya bernasib baik menang dengan menumpang 'tuah' atas masalah orang lain. Pas juga seperti parti 'diktator' yang tidak mengizinkan sekutunya mendapat tempat sewajarnya dalam perkongsian kuasa memerintah di peringkat negeri.

Pengalaman itu dilalui Semangat 46 ketika bergabung memerintah Kelantan tetapi tidak mampu bertahan lama, hanya untuk dua penggal sebelum seluruh wakil rakyat parti itu keluar menyertai Umno pada 1996.

Bekas Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46, Datuk Mohd Rozali Isohak, ketika pada saat akhir parti itu hendak dibubarkan dan kembali menyertai Umno pernah berkata, Semangat 46 tidak ada tempat dalam Pas kerana disifatkan sebagai parti menumpang. Demi perjuangan lebih baik dibubarkan dan menyertai Umno kerana Semangat 46 benar-benar tertipu dengan pakatan pembangkang di bawah Angkatan Perpaduan Ummah ketika itu.

Jelaslah Pas menang kerana menumpang atas masalah orang lain. Jika itu diambil perkiraan, pada saat menjelang pilihan raya umum akan datang, Umno Kelantan tidak lagi boleh berdepan sebarang masalah dalaman yang memberi senjata kepada Pas untuk menyerang dalam kempen politiknya yang sebelum ini terkenal dengan maki hamun.

Bagaimanapun, seperti kata Mustapa bahawa perpaduan Umno Kelantan semakin mantap dan rakyat juga mula menunjukkan perubahan sikap untuk melihat perubahan politik di negeri ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan jawatankuasa empat peringkat Umno bahagian Kuala Krai awal bulan ini, Mustapa menegaskan perpaduan Umno dan ahli badan perhubungan adalah mantap.

Katanya, berdasarkan perkembangan dan senario semasa, keadaan sekarang lebih mantap berbanding sebelum ini dan semua pihak bersatu hingga memberi keyakinan untuk Umno Kelantan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Bukti jelas boleh dilihat apabila setiap majlis anjuran Umno, seluruh ahli parti dan penyokong di semua peringkat hadir beramai-ramai.

"Ini adalah satu hikmah daripada sedikit perubahan (ketua penaja di empat bahagian Umno) yang berlaku. Dengan adanya perubahan itu, menyedarkan kami semua untuk merapatkan barisan, meningkatkan kemantapan parti dan mengukuh perpaduan," katanya.

Kenyataan ini sekali gus menolak andaian pihak tertentu yang mengatakan Umno Kelantan kini berada di ambang perpecahan dan lebih buruk lagi sudah wujud budaya ugut-mengugut, sekali gus akan meleburkan impian Umno merampas semula negeri itu daripada Pas.

Andaian itu dikatakan ada kaitan dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 22 November lalu menggugurkan empat ketua bahagian di Kelantan iaitu Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas) digantikan oleh Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman; Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Bachok) digantikan Datuk Dr Awang Adek Hussin; Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai) digantikan Datuk Ramzi Abdul Rahman dan Tuan Mohamad Hashim Tuan Yaakob (Kubang Kerian) digantikan Datuk Ahmad Rusli Iberahim sebagai ketua penaja.

Sehubungan itu, Mustapa berkata jika ada tuduhan mengatakan Umno Kelantan berpecah, ia satu dakwaan tidak benar. Bagaimanapun, beliau mengakui ada sedikit masalah di satu dua tempat dan perkara itu disifatkan isu terpencil.

"Menang ada sedikit masalah tetapi hanya di satu dua tempat, bukan di

satu dua bahagian," katanya.

Kesimpulannya, bukan saja soal perpaduan di kalangan pemimpin Umno di semua peringkat di negeri ini perlu diperkukuhkan, malah perkara pokok iaitu memenangi hati rakyat dan melihat kepada pentingnya peranan pengundi berstatus atas pagar, perlu diberi perhatian.

Sebenarnya, rakyat Kelantan bukan melihat kepada kebendaan walaupun mereka juga mahukan pembangunan dan pembelaan sewajarnya yang kini tidak diambil peduli oleh Pas. Bagi mereka perkara amat besar dan menjadi ingatan ialah sifat dan sikap pemimpin yang tahu mendekati rakyat.

Rakyat Kelantan amat mengharapkan sikap ini, malah mereka sanggup menjadi galang ganti menyanggah pandangan ketika minum di kedai kopi jika ada pihak mempertikaikan kewibawaan pemimpin sedemikian.

Kita percaya Umno mempunyai ramai pemimpin yang memiliki sikap ini, sesuatu yang memang sudah lama diamalkan oleh Pak Lah sendiri, cuma di Kelantan mereka perlu bertanyakan kepada diri sendiri.

Secara kasar, memang ada perkembangan menunjukkan rakyat Kelantan mahu beralih `angin' tetapi sejauh manakah persediaan dan usaha Umno Kelantan dalam menggerakkan jentera parti, terutama untuk menambah keahliannya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, sebelum ini pernah menyatakan bahawa Umno Kelantan perlu menambah keahlian seramai mungkin sebagai syarat mengembalikan negeri ini ke pangkuan Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, perkara itu adalah antara formula penting jika Umno Kelantan mahu menawan semula negeri itu daripada Pas, selain perpaduan mantap pemimpin parti dan kesungguhan mendekati rakyat di akar umbi.

Sebenarnya, sikap rakyat Kelantan tidak begitu sukar untuk difahami. Apabila mereka berasa muak dengan kerajaan yang tidak memberi sebarang sumbangan, mereka bila-bila masa saja boleh menjatuhkan kerajaan sekalipun Pas yang kini dikatakan selesai dengan pimpinan ulama diterajui Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.